

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID  
(KOTA TINGGI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.11.2015**

**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat yang mendapat pengecualian cukai Global Incentive for Trading(GIFT) dan berapakah jumlah cukai yang dikecualikan yang di perolehi syarikat terbabit pada tahun 2014 sehingga 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh mulai tahun 2011

sehingga Oktober 2015, sebanyak 34 buah syarikat telah diberi kelulusan untuk menjalankan aktiviti di bawah program *Global Incentives for Trading* (GIFT). Jumlah syarikat yang layak menuntut insentif GIFT adalah sebanyak 29 buah syarikat.

2. Bagi tahun 2014 dan 2015 pula, terdapat 2 buah syarikat yang telah menuntut insentif GIFT yang melibatkan jumlah keseluruhan cukai pendapatan yang dikecualikan sebanyak RM2,986,032.07.